

Mubarak Minta Generasi Y Tidak Bereksperimen Pada PRU Ke-13
Bernama
23 Jun, 2012

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) berharap generasi 'Y' di negara ini tidak melakukan eksperimen ke atas masa depan negara menerusi pilihan raya umum akan datang.

Untuk itu, Presidennya Tan Sri Abdul Aziz Rahman meminta golongan tersebut "membuka mata" terhadap suasana di negeri yang ditadbir pembangkang, sebelum membuat keputusan memilih mereka untuk meneraju negara.

"Generasi Y dan golongan muda janganlah bereksperimen dan memberi peluang kepada mereka kerana kita telah memberi peluang dan jelas mereka tidak dapat melaksanakan janji-janji yang ditabur serta dasar-dasar untuk memberi kemudahan kepada rakyat," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata pada masa ini, pakatan pembangkang lebih banyak menghabiskan masa dan tenaga menyelesaikan masalah dalaman berikutan memiliki falsafah perjuangan berbeza.

"Rakyat sendiri yang merana dan menanggung penderitaan kerana beberapa masalah yang dihadapi tanpa sebarang penyelesaian dan isu-isu yang mudah tidak dapat diselesaikan ekoran tidak ada stabiliti dan kepastian dalam pemerintahan mereka," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675224>